



**KENYATAAN AKHBAR  
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

**BERKENAAN:**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 1  
MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SABAH**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 2  
MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SABAH**

1. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.
2. LKAN Tahun 2019 Siri 1 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 10 Disember 2020 manakala LKAN Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 28 September 2021. Kedua-dua LKAN tersebut dibentangkan setelah diperkenankan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, setelah mendapat perkenan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, kedua-dua LKAN ini akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Sabah pada 3 Disember 2021.

### **3. LKAN Tahun 2019 Siri 1 Mengenai Akitiviti Kementerian/ Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah**

#### **3.1. Pengauditan Prestasi di Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri**

Sebanyak empat pengauditan prestasi telah dilaksanakan di Negeri Sabah seperti berikut:

##### **3.1.1. Program Bantuan Murid Sekolah Rendah di bawah Kementerian Kesihatan Dan Kesejahteraan Rakyat**

Secara keseluruhannya, objektif Program Bantuan Murid Sekolah Rendah yang ditetapkan belum dapat dicapai sepenuhnya kerana berlaku kelewatan penyerahan bantuan kasut sekolah pada tahun 2019. Terdapat juga kelemahan dalam aspek perolehan, pentadbiran kontrak dan pemantauan yang menjejaskan kecekapan pengurusan program ini.

##### **3.1.2. Pengurusan Pengeluaran Air Terawat Negeri Sabah di bawah Jabatan Air Negeri Sabah**

Secara keseluruhannya, Pengurusan Pengeluaran Air Terawat Negeri Sabah tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Pengeluaran air terawat pada tahun 2017 dan 2019 tidak mencukupi untuk menampung keperluan pengguna berikutan pengeluaran kurang daripada unjuran permintaan. Terdapat juga kelemahan dalam aspek pembayaran, pentadiran kontrak dan penyenggaraan loji rawatan air.

##### **3.1.3. Pengurusan Perpustakaan Luar Bandar di bawah Perpustakaan Negeri Sabah**

- a. Secara keseluruhannya, objektif utama program ini untuk menyediakan rangkaian perpustakaan luar bandar bagi menggalakkan budaya membaca dan memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat di luar bandar belum tercapai sepenuhnya. Ini disebabkan setakat bulan

Disember 2019, hanya sebuah Perpustakaan Desa (PD) dibina. Selain itu, peratus pencapaian keseluruhan keahlian, pinjaman buku dan pengunjung sebenar menurun setiap tahun.

- b. Pengurusan perpustakaan luar bandar tidak cekap kerana terdapat kelemahan dalam aspek perjawatan, koleksi buku, capaian internet dan perkhidmatan pembelajaran desanet.

#### **3.1.4. Pembinaan Premis Industri Kecil dan Sederhana (IKS) SEDCO, Sepanggar di bawah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO)**

Secara keseluruhannya, projek IKS SEDCO lewat dari jadual asal yang sepatutnya. Oleh itu, manfaat projek dalam menyediakan premis perniagaan kepada kumpulan usahawan IKS Bumiputera sedia ada dan baharu masih belum dapat direalisasikan. Pengurusan projek juga tidak cekap kerana terdapat kelemahan dalam aspek perancangan projek, pentadbiran kontrak dan pelaksanaan projek.

### **3.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**

Pengauditan bagi pengurusan syarikat kerajaan dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957. Bagi LKAN Tahun 2019 Siri 1, pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan Negeri Sabah telah dilaksanakan terhadap DESA Integrated Food Industries Sdn. Bhd..

#### **3.2.1. DESA Integrated Food Industries Sdn. Bhd. di bawah Kementerian Kewangan Sabah**

Secara keseluruhannya, DESA Integrated Food Industries Sdn. Bhd. (DIFI) telah mengurus aktiviti perniagaan borong dan peruncitan terus Desa Fresh Mart (DFM) dengan cekap dan berkesan melalui amalan tadbir urus korporat syarikat yang baik serta kedudukan kewangan syarikat yang stabil. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan dalam pengurusan akaun belum

terima khususnya dalam aspek mengutip tunggakan yang telah melebihi tempoh ditetapkan.

#### **4. LKAN Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah**

##### **4.1. Pengauditan Prestasi di Jabatan/Agensi Negeri**

Bagi LKAN Tahun 2019 Siri 2 ini, sebanyak dua pengauditan prestasi telah dilaksanakan seperti berikut:

##### **4.1.1. Pengurusan Penyenggaraan Kenderaan Kerajaan Negeri di bawah Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah**

Secara keseluruhannya, pengurusan penyenggaraan kenderaan Kerajaan negeri oleh JKR kurang cekap dan tidak mencapai objektif penyenggaraan kenderaan yang ditetapkan sepenuhnya. JKR tidak melaksanakan penyenggaraan kenderaan sepenuhnya di bengkel JKR dan masih bergantung kepada bengkel swasta bagi melaksanakan penyenggaraan yang tidak memerlukan kepakaran. Selain itu, wujud kelemahan dalam aspek tenaga kerja teknikal, pengurusan pembayaran, pengurusan perolehan, penggunaan kemudahan bengkel dan stor bengkel JKR, tempoh kelulusan permohonan penyenggaraan serta pemantauan.

##### **4.1.2. Aktiviti Pembangunan Perumahan Di Daerah Penampang di bawah Majlis Daerah Penampang**

Secara keseluruhannya, aktiviti pembangunan perumahan di daerah Penampang kurang cekap dan berkesan dalam mencapai objektif yang ditetapkan. Wujud kelemahan yang menjejaskan kecekapan pengurusan aktiviti seperti kadar kutipan tunggakan cukai kadaran perumahan yang rendah (27.2%); kelemahan dalam aspek Lesen Pemaju Perumahan serta Permit Iklan dan Jualan; pembinaan perumahan tanpa kelulusan majlis; serta

pemantauan dan penguatkuasaan Majlis Daerah Penampang yang tidak dilaksanakan dengan berkesan.

#### **4.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**

Bagi LKAN Tahun 2019 Siri 2, sebanyak dua pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan Negeri Sabah telah dilaksanakan seperti berikut:

##### **4.2.1. Angkatan Hebat Sdn. Bhd. di bawah Kementerian Kewangan Negeri Sabah**

Secara keseluruhannya, Angkatan Hebat Sdn. Bhd. (AHSB) telah mencapai objektif penubuhannya iaitu sebagai syarikat konsesi yang membekalkan kenderaan kepada Kerajaan Negeri Sabah. Bagaimanapun, terdapat tiga aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan sepenuhnya, iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam. Prestasi kewangan syarikat pula adalah kukuh kerana AHSB telah memperoleh keuntungan bagi tempoh tiga tahun, iaitu dari tahun 2017 hingga 2019.

##### **4.2.2. Bay View Properties Sdn. Bhd. di bawah Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan Ketua Menteri Diperbadankan**

Secara keseluruhannya, objektif penubuhan Bay View Properties Sdn. Bhd. (BVPSB) untuk melaksanakan projek pembangunan perumahan V19 Fasa 3 yang merangkumi Fasa 3A, 3B dan 3C belum dapat dicapai sepenuhnya. Amalan tadbir urus korporat BVPSB yang kurang memuaskan menjejaskan pencapaian objektif syarikat. Pengurusan aktiviti juga kurang cekap kerana hanya Fasa 3A (90 unit rumah) seluas 8.60 ekar (40.9%) telah siap dibangunkan dan habis terjual pada tahun 2013 berbanding 21.03 ekar tanah yang diperuntukkan bagi membina 230 unit rumah. Pada tahun 2017, 2018 dan 2019, BVPSB mula mencatatkan kerugian sebelum cukai masing-masing berjumlah RM94,669, RM96,612 dan RM25,772.

5. Semua Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 18 syor Audit dalam LKAN Tahun 2019 Siri 1 dan 12 syor Audit dalam LKAN Tahun 2019 Siri 2.
6. Kedua-dua Laporan ini akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Sabah pada 3 Disember 2021. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 3 Disember 2021 selepas jam 3.00 petang. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara

3 Disember 2021

28 Rabiul Akhir 1443H